

menulis buku dan novel yang berisikan tentang peranan wanita dalam masyarakat. Selain itu, pengaruh dari media massa yang semakin meningkat membuat wanita semakin aktif dalam mengikuti perkembangan zaman.

Pocock, Michel. 1977. *Women in Politics: The World Today*. New York: Harper & Row.
———. 1981. *Women and Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.
———. 1985. *Women in Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.
———. 1990. *Women in Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.
———. 1993. *Women in Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.

Quint, M. 1993. *Women in Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.

———. 1995. *Women in Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.

———. 1998. *Women in Politics: A Worldwide Survey of Women's Political Movements*. London: Tavistock.

Ramli, Ahmad Zahid. 1995. *Menongkah Lumrah*. Kuala Lumpur: Penerjemah Pustaka.

PEMERKASAAN WANITA DALAM NOVEL-NOVEL MALAYSIA DAN INDONESIA: PERTEMBUNGAN ANTARA TRADISI DAN MODENITI

Norhayati Ab.Rahman
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

PENDAHULUAN

Kedudukan wanita dalam masyarakat merupakan satu persoalan yang seringkali diperkatakan. Walaupun sebenarnya negara Malaysia dan Indonesia mendahului banyak negara lain dari segi kemajuan wanita, tetapi kedua-dua negara ini juga menyaksikan sebahagian wanita masih berdepan dengan pelbagai halangan dan kekangan dalam usaha-usaha pemerkasaan wanita. Tafsiran yang sempit terhadap ajaran Islam dan pegangan terhadap nilai-nilai tradisi misalnya, menimbulkan halangan dan kekangan kepada kemajuan dan pembangunan wanita. Oleh itu, pada umumnya wanita masih berjuang untuk mengangkat kedudukan dan martabat mereka dalam masyarakat. Hal-hal seperti inilah yang mendapat perhatian daripada pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia, seperti yang dikemukakan melalui novel-novel seperti *Menongkah Lumrah* (Azmah Nordin), *Salam Maria* (Fatimah Busu), *Dari Lembah Ke Collibah* (Titis Basino) dan *Tarian Bumi* (Oka Rusmini).

Para pengarang wanita tersebut menulis dengan kesedaran bahawa karya-karya sastera oleh pengarang lelaki sering menggambarkan wanita dengan imej yang stereotaip, pengalaman wanita dipinggirkan, suara wanita dibisukan dan bentuk-bentuk paparan yang hanya menyerlahkan *male-centredness*. Oleh itu, pengarang wanita tampil dengan imej, pengalaman, suara, keinginan, dan wawasan mereka

sendiri yang menekankan sifat-sifat *women-centredness* pada karya. Proses penciptaan novel di kalangan pengarang wanita ini adalah bermatlamat untuk mengangkat dan memperkasakan kedudukan wanita, sekaligus bagi menolak nilai-nilai dan tanggapan tradisi yang dianggap cenderung kepada bias gender, mengeksplorasi dan mendiskriminasi wanita, di samping untuk menonjolkan keupayaan, kebolehan, dan kemampuan sebenar wanita dalam mendepani perjuangan kehidupan.

PEMERKASAAN WANITA DALAM NOVEL-NOVEL MALAYSIA DAN INDONESIA: PERTEMBUNGAN ANTARA TRADISI DAN MODENITI

Sikap dan pemikiran masyarakat terhadap wanita umumnya dilentur oleh pembahagian peranan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat. Pandangan tersebut antara lain menegaskan tentang peranan wanita dalam masyarakat seperti yang disebut oleh Hirschon, iaitu (1993:57):

To the sexual dichotomy is added a spatial dimension: the locus of the women is domestic, within the home, having an extension to the world beyond for specifically religious purposes, while the place of men is primarily in economic realm, in the outside world.

Dengan situasi perkembangan wanita pada hari ini, dikotomi pembahagian tugas dan peranan yang rigid antara wanita dan lelaki dalam masyarakat ini sudah tidak relevan lagi. Apa juga bentuk-bentuk halangan dankekangan terhadap pemeriksaan wanita cuba diruntuhkan oleh wanita. Sekaligus membuktikan bahawa wanita juga mampu tampil bersaing dengan lelaki untuk sama-sama membangunkan kemajuan bangsa dan negara. *Conservative views*¹⁴² yang menekankan wanita dengan peranan domestik, dan lelaki dengan peranan umum sudah lama tidak relevan kepada wanita di Malaysia dan Indonesia. Halangan-halangan seperti itu hakikatnya masih wujud secara tidak sedar, dan kewujudannya dilihat oleh pengarang sebagai tembok-tembok tradisi yang perlu dirobohkan. Mereka memaparkan wanita generasi baru yang berfikiran terbuka, berperanan penting dan bergerak bebas dalam sfera umum (*public sphere*) serta tidak lagi terikat dalam sfera domestik (*domestic sphere*) yang dicipta oleh masyarakat patriarki. Ini bermakna, imej wanita baru yang dipaparkan dalam karya adalah gambaran wanita yang bersifat *autonomous* dan *empowered*. Permasalahan yang diungkapkan melalui novel-novel pilihan adalah berhubung dengan pengalaman perjuangan wanita dalam merebut hak dan kedudukan mereka dalam masyarakat, menolak nilai-nilai tradisi yang dianggap bias gender, mengeksplorasi dan mendiskriminasi wanita, serta mengengahkan kebolehan dan kemampuan wanita yang sebenarnya.

Dalam *Menongkah Lumrah* misalnya, pengarang memperlihatkan sikap dan pemikiran masyarakat terhadap wanita yang tidak adil, iaitu apabila wanita dinilai berdasarkan faktor biologi mereka. Azmah Nordin mendedahkan bahawa masih wujud tanggapan konservatif dalam masyarakat (diwakili lelaki di pejabatnya) apabila mereka menilai wanita (diwakili watak Dayang Zakiyyah)

¹⁴² Pandangan konservatif menekankan kekuasaan lelaki (*superiority of men*) ke atas wanita dan menegaskan bahawa wanita harus dilindungi serta hanya perlu berada di rumah. Dalam hal ini Wazir menjelaskan, *a range of religious and social beliefs and laws about the position of Malay women are in operations in Malay society*. Lihat Wazir Jahan Karim, 1992. *Women & Culture: Between Malay Adat and Islam*. Boulder: Westview Press.

berdasarkan pemahaman tradisi yang sempit. Hal ini berlaku apabila identiti wanita dihubungkan dengan keadaan fizikal tubuh badan, iaitu (1996:16):

(Bentuk tubuhnya? Kurus langsing. Usia? Awal tigapuluh. Status perkahwinannya? Bujang semula. Sifat kewanitaannya? 50% agresif. Visi atau penglihatannya? Sempurna 20/20. Goyang pinggulnya..?)

Penilaian terhadap wanita seumpama ini adalah cenderung untuk dihubungkan dengan wanita sebagai simbol seks. Sehubungan dengan itu, pengarang menggunakan strategi dan kebijaksanaannya bagi menentang dan mengugat kekuasaan patriarki atau mengubah persepsi lelaki tersebut. Pengarang menggenengahkan watak Zakiyyah sebagai wanita berpendidikan yang aktif, kreatif, dan mempunyai aspirasi serta motivasi diri yang tinggi. Dengan memiliki sifat-sifat daya saing serta bijak menguasai dan menyelesaikan masalah, menjadikan Zakiyyah berupaya mengatasi pencapaian lelaki dalam syarikatnya. Dengan melahirkan wanita yang *empowered*, ternyata pengarang menyanggah sifat-sifat *subordinate* dalam diri wanita, sekaligus mencabar tanggapan tradisi tentang kekuasaan lelaki. Namun, kekuasaan patriarki yang mendasari pemikiran lelaki, menyebabkan mereka enggan menerima hakikat bahawa wanita juga mampu menduduki tempat yang setaraf dengan lelaki. Melalui novel ini Zakiyyah digambarkan sebagai wanita yang bangkit melawan segala yang dianggap sebagai tidak adil kepada dirinya sebagai wanita, pekerja, isteri, ibu, dan menantu. Dengan kata lain, pengarang menampilkan watak Zakiyyah sebagai lambang wanita generasi baru yang tidak tunduk kepada nilai-nilai tradisi masyarakat yang mengeksplotasi wanita. Sebaliknya Zakiyyah melambangkan kebangkitan wanita dalam merungkai dan memperbetulkan tanggapan tradisi. Melalui pembinaan jiwa dan jasad Zakiyyah, pengarang memperlihatkan penampilan wanita yang tabah, kuat dan perkasa dalam menangani kehidupannya. Sifat-sifat keperkasaan yang dibina dalam diri Zakiyyah melambangkan wanita yang tidak lagi tunduk dengan fahaman tradisi yang merendahkan martabat wanita.

Pengarang juga menunjukkan bahawa wanita mampu mencapai kejayaan dengan cara yang telus dan tulus. Pemaparan seperti ini menepis prejudis yang sering dilemparkan bahawa wanita akan memanipulasi faktor kelebihan fizikal mereka sebagai cara untuk memperolehi kemewahan dan kejayaan hidup. Bagi menyanggah pandangan tersebut, pengarang menampilkan Zakiyyah sebagai wanita yang tekun, rajin serta amat komited dalam menangani tugasannya. Ini terbukti apabila di peringkat awal diterima bekerja, dia hanya dijadikan sebagai tukang sapu di firma tersebut, walhal sebelumnya dia bertaraf jurujual insuran yang berjaya. Begitu juga sekembalinya dengan ijazah dari belajar di luar negara, dia hanya dijadikan sebagai pembantu kepada TB, iaitu salah seorang Naib Presiden syarikat tempatnya bekerja. Semua itu ditanganinya dengan penuh komitmen. Segala tindakan yang dilaksana, dirancang dengan tersusun sehingga setiap tugasannya seringkali disiapkan lebih awal daripada yang dijangkakan. Kebolehan, kegigihan dan kemampuan Zakiyyah telah menyelamatkan syarikat dari kerugian berjuta ringgit. Kejayaan menyelamatkan syarikat dari mengalami kerugian telah menaikkan imej dirinya sebagai 'female hero' dan sekaligus memberi kredit kepada pencapaianannya dalam syarikat tersebut. Kecemerlangan kerja yang dipamerkan Zakiyyah juga mendapat kepercayaan penuh, malah disayangi oleh ketuanya, sehingga mencetuskan perasaan dengki, iri hati dan rasa benci di kalangan ahli lembaga pengarah lain yang terdiri daripada lelaki.

Dalam hal ini pengarang menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam *public space* bukannya untuk menyaingi lelaki, sebaliknya untuk membuktikan

kebolehan dan kemampuan wanita dalam bidang usahawan teknologi maklumat IT. Sekaligus mendedahkan tanggapan masyarakat khususnya kaum lelaki terhadap wanita masih tidak berubah, iaitu dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisi atau pemikiran konservatif yang membataskan skop peranan wanita disebabkan faktor jantina. Tanggapan berhubung dengan *thought by sexual analogy* ini menyimpulkan bahawa "lelaki = kuat dan aktif", dan "wanita = lemah dan pasif" (Toril Moi, 1985:30). Bagaimanapun pengarang menolak tanggapan tersebut dengan cara menampilkan gambaran sebaliknya. Penafian tersebut dapat dikesan apabila pengarang mengemukakan wanita yang mempunyai kedudukan dan berperanan penting sebagai Timbalan Presiden dalam sebuah firma komputer yang besar dan terkenal. Dalam hal ini, watak wanita diketengahkan dalam *public sphere* yang berfungsi bagi menjana pembangunan dan kemajuan bangsa dan negaranya, khususnya dalam bidang teknologi maklumat yang dianggap mencabar. Pengarang menekankan tentang perlunya wanita diberi peluang luas dalam pembangunan komuniti, kerjaya, profesi yang memberi status, kedudukan dan peranan yang penting kepada mereka. Namun, pencapaian wanita seperti Zakiyyah bukan diperolehi secara mudah. Pemaparan kejayaan cemerlang yang dicapainya adalah setelah melalui berbagai-bagai tahap cabaran dan halangan dari persekitaran kerja, khususnya daripada lelaki. Pengarang membuktikan kesungguhan dan kegigihan wanita dalam mencapai cita-cita dan kehendak diri pasti akan membubarkan kejayaan cemerlang, kerana wanita mempunyai kemampuan mental dan spiritual yang sama hebatnya dengan lelaki. Pengarang melontarkan gagasan bahawa wanita juga mampu berjaya setanding dengan lelaki, malah ada masanya mengatasi lelaki dalam dunia kerjaya. Hal ini dibuktikan pengarang apabila menggambarkan Zakiyyah telah diberi kepercayaan bagi menerajui syarikat gergasi tersebut selepas kematian Dato' Panglima Burhan. Berdasarkan strategi naratifnya, pengarang mengenangkan cabaran-cabaran semasa dalam proses pemerkasaan wanita melalui novelnya.

Novel *Salam Maria* pula Fatimah Busu menyulurkan perjuangan wanita khususnya mengenai yang dikatakan oleh Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan sebagai "kesedaran tentang penindasan dan eksplorasi wanita dalam masyarakat" (1986:2). Melalui novelnya, pengarang mendedahkan halangan dankekangan yang membantutkan usaha-usaha memperkasaan wanita. Beliau mengaitkan soal ini dengan kepincangan dan penyelewengan kekuasaan lelaki dalam institusi masyarakat yang bertunjukkan sistem patriarki. Umpamanya pengarang menggambarkan penguasaan lelaki dalam masyarakat melalui watak Imam Masjid Negara dan ayah Wati, seorang lelaki tokoh korporat berpangkat Tan Sri. Lazimnya dalam masyarakat Melayu, Imam adalah lambang ketua institusi agama yang dihormati dan disanjungi masyarakat kerana statusnya sebagai pemimpin. Sebaliknya dalam *Salam Maria* watak Imam dilukiskan sebagai kuasa lelaki yang menyalahgunakan kedudukannya sebagai penguasa masjid, iaitu dengan bertindak secara tidak wajar, tidak adil dan tanpa usul periksa ke atas wanita. Beliau menghalau Maria Zaitun dari bersembahyang di masjid, semata-mata kerana tuduhan bahawa dia adalah wanita tidak bermoral.

Pada masa yang sama pengarang melemparkan kritikan tajam terhadap institusi penguasaan undang-undang syariah di negara ini, yang dilihat sebagai gagal menangani dan menyelesaikan masalah berhubung perkahwinan yang dihadapi kaum wanita. Gambaran tersebut dipaparkan melalui peristiwa perhimpunan anjuran Dewan Perhimpunan Pendakwah-Pendakwah di hadapan bangunan Parlimen, apabila mereka menyarankan (Fatimah, 2004:87):

Marilah kita adakan satu petisyen, kita desak para pemerintah supaya membatalkan mahkamah syariah di negara ini..! Biar jangan ada lagi orang-orang muda yang kahwin, biar semuanya akan terus tinggal

keseorangan menjadi bujang telajak dan gadis tua..!!!

Petikan di atas mengungkapkan sindiran tajam yang ditujukan kepada institusi agama, yang menurut pengarang diterajui dan dikuasai oleh lelaki. Oleh itu, segala permasalahan wanita yang berkait dengan lelaki, atau rumahtangga seringkali ditangguh atau dilengah-lengahkan penyelesaiannya. Pengarang menggambarkan bahawa melalui institusi agama tersebut kaum wanita diperkecil dan diperlekehkan secara tidak bermaruah. Kegagalan institusi agama dalam melaksanakan fungsinya juga membawa kepada berleluasanya pelbagai penyakit sosial di kalangan umat Islam seperti sumbang mahram, penderaan seksual ke atas kanak-kanak, hipokrasi agama, tamak, fitnah dan seumpamanya. Justeru, petisyen yang dikemukakan oleh para pendakwah bagi ‘membatalkan mahkamah syariah’ dalam gambaran di atas dilihat sebagai saranan pengarang bagi meruntuhkan dominasi struktur patriarki dalam institusi agama. Penyuaraan kritikan terhadap pihak *establishment* secara terbuka oleh pengarang memperlihatkan kebenaran pendapat Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan tentang perjuangan feminism dalam konteks Asia ialah *an awareness of women's oppression and exploitation in society, at work and within the family, and conscious action by women to change this situation* (1986:2). Gambaran yang dikemukakan oleh Fatimah Busu tersebut dilihat sebagai sebahagian daripada pernyataan kesedaran wanita untuk mengubah keadaan lama yang melemahkan wanita, kepada situasi baru yang mampu memperkuatkan kedudukan wanita dalam masyarakat.

Pengarang juga membayangkan keinginan terhadap kelahiran wanita dengan ciri-ciri keperkasaan, yang tidak akan tunduk dengan amalan patriarki yang meletakkan dirinya sebagai wanita lemah. Untuk tujuan itu, Fatimah Busu merangka naratifnya dengan menerapkan sifat-sifat impian dalam diri wanita, yang menghapuskan rasa kebergantungan kepada pihak lain, seperti gambarannya (Fatimah, 2004:112);

Wanita generasi baru tidak harus lihat orang keliling.
Wanita generasi baru milik alam dan dirinya. Orang keliling juga berkembang satu-satu bagi satu dengan yang lain, selalu berasingan. Hanya dalu-dalu atau dedalu sahaja selalu perlu pada pokok lain untuk berkembang..”

Melalui gambaran di atas, pengarang menegaskan sifat-sifat mandiri yang harus disemai dalam diri setiap kaum wanita, supaya tidak perlu lagi bergantung hidup kepada orang lain atau masyarakat sekeliling, termasuk lelaki. Bagi pengarang, wanita yang hidup dengan bergantung kepada orang lain adalah umpama dedalu yang tidak punya keyakinan diri, kekuatan dan keupayaan untuk berdiri. Pengarang mengingini wanita hidup dengan keupayaan, kebolehan dan kekuatan diri sendiri. Gagasan ini ditampilkan sebagai satu kaedah bagi membantu menyelamatkan wanita daripada terus terjebak dalam perangkap penandaan lelaki yang menekan dan menindas kehidupan wanita.

Walaupun kedua-dua pengarang yang dibincangkan di atas mengatur strategi penulisan dengan matlamat untuk melahirkan wanita yang bersifat mandiri, berautonomi, perkasa dan bebas dari pengaruh patriarki, tetapi mereka masih menulis dengan memelihara *status quo* lelaki dalam rumahtangga dan masyarakat. Pendirian ini selaras dengan pegangan kepercayaan agama dan nilai-nilai sosiobudaya masyarakat Melayu. Dengan perkataan lain, pengarang wanita Malaysia bersifat realistik dan objektif. Azmah Nordin misalnya, menampilkan Zakiyyah sebagai wanita yang gigih, tabah, dan bersemangat waja, tetapi pada masa yang sama

dia juga dipotretkan sebagai masih ‘berjejak di alam nyata’. Beliau digambarkan masih seorang wanita yang kekal dengan ciri-ciri dan sifat kewanitaan. Hati dan naluri wanitanya tetap sensitif – dia digambarkan mudah tersentuh, masih menangis walaupun secara sembunyi-sembunyi, dan masih merindui kehadiran seorang lelaki dalam hidupnya. Pengalaman kegagalan rumah tangganya, sikap penentangan teman-teman lelaki di pejabat yang memusuhi, tidak mengubah pendirian dan sifat-sifat kewanitaannya. Zakiyyah digambarkan sebagai wanita normal dan mempunyai naluri keinginan terhadap lelaki. Walaupun pengarang mengangkat kehebatan wanita yang mampu berjaya tanpa sokongan lelaki atau suami, tetapi ternyata pengarang masih akur dengan hakikat hidup. Pengarang menyerlahkan pandangan bahawa betapa pun kuat semangat seorang wanita itu, atau betapa tinggi kejayaan wanita, wanita perlu kembali kepada fitrah kejadian dirinya. Justeru, Azmah tidak bersikap menolak kepentingan peranan lelaki dalam hidup wanita. Dari satu sudut, Azmah masih menjaga *status quo* lelaki dalam masyarakat. Beliau menghormati dan amat mengagumi lelaki bernama Panglima Burhan dan anak lelakinya, Mukhlis. Begitu juga dengan watak ibunya yang mendendam lelaki, akhirnya berubah pendirian apabila bertemu dengan lelaki yang bersifat adil dan budiman. Hal yang sama juga dipaparkan pada watak Maria Zaitun dalam *Salam Maria* yang menyerlahkan hubungan yang harmonis dan bermanfaat antara Maria Zaitun dan Pemuda Van (Aziz). Gambaran tersebut sejajar dengan pandangan Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan bahawa *we are against men who do not accept women as their equals, who treat women as their property or otherwise view them only as commodities* (1988:18). Pada hakikatnya, wanita tidak memusuhi lelaki yang bersifat adil dan budiman terhadap wanita. Situasi ini menjelaskan bahawa perjuangan wanita bukanlah untuk menentang atau mengatasi lelaki, sebaliknya bertumpu kepada matlamat untuk memperkasakan kedudukan wanita.

Gambaran yang sama dipaparkan dalam novel-novel ciptaan pengarang wanita Indonesia. Melalui *Dari Lembah Ke Coolibah* umpamanya, pengarang Titis Basino menampilkan wanita usahawan yang berjaya, iaitu melalui watak Ibu Noor. Pengalaman yang dipaparkan pengarang adalah bersifat umum dan luas, merangkumi pengalaman wanita sebagai isteri, teman sosial suami, ibu, janda, kekasih kepada lelaki muda, dan kemudian kembali bergelar isteri kepada lelaki muda tersebut. Walaupun perlukisan pengarang lebih bertumpu kepada pengalaman wanita bersifat peribadi, tetapi ianya dikaitkan dengan pengalaman wanita dalam sfera umum. Watak Ibu Noor dipotretkan sebagai usahawan yang berjaya, mempunyai hubungan profesional dengan rakan-rakan niaga dan pekerjanya, membantu anak-anak yatim dan menyumbang dana kepada pembangunan sosioekonomi negara. Watak Ibu Noor dibina sebagai wanita yang berjaya dalam perniagaan pusat peranginan (*resort*).

Dari sudut psikologi dan sosial, usaha-usaha pemerkasaan wanita dapat dikesan dengan jelas. Walaupun Ibu Noor adalah seorang janda, tetapi penampilannya berbeza daripada kelaziman imej yang dipaparkan pada status wanita-janda. Unsur-unsur psikologi wanita berusia yang dipaparkan dalam novel ini bertentangan dengan gambaran psikologi wanita berusia yang dicirikan oleh psikologis. Menurut psikologis, peringkat usia ini adalah tempoh transisi iaitu masa untuk menyesuaikan diri dengan perubahan biologi, emosi dan minda. Masa ini juga dilihat sebagai tempoh yang ditakuti individu kerana mendekati masa tua dan wanita akan kehilangan kemampuan reproduksi (Kartini, 1982:68). Bagaimanapun gambaran yang dilukiskan pengarang melalui watak Ibu Noor adalah sebaliknya. Dia digambarkan sebagai janda mempunyai empat anak lelaki dewasa dan jatuh cinta dengan lelaki berusia 30-an. Perasaan jatuh hati dalam diri wanita tersebut bertunas sewaktu berada di Mekah, apabila dia menyedari “Aku berasa diprimakan daripada

yang lain walaupun itu tidak beralasan. Setelah itu, kami makin dekat dan sering memanggilku dengan guraunya" (Titis, 2000:53).

Melalui novelnya, pengarang menggambarkan bahawa peribadi wanita dewasa secara perwatakan dan normatif adalah bersifat stabil dan mantap. Hal ini memungkinkan wanita untuk memilih kedudukan sosial yang juga bersifat stabil seperti perkahwinan, pilihan sikap, pekerjaan dan sebagainya. Kestabilan itu mempengaruhi keputusan wanita dalam menterjemahkan sikap dan kehendak nalurinya ke dalam bentuk realiti. Misalnya, perbezaan usia Ibu Noor (60-an) dengan lelaki yang dicintainya (30-an) tidak menghalang beliau untuk menerima pinangan lelaki tersebut dan seterusnya bersatu dalam sebuah perkahwinan. Keputusannya berkahwin dengan lelaki yang jauh lebih muda usia daripadanya melambangkan kebebasan, autoriti, dan kekuasaan yang dimiliki wanita yang bukan saja masih cantik, malah mempunyai kedudukan mantap, baik dari segi emosi, ekonomi maupun psikologi. Pengarang menggambarkan Ibu Noor sebagai usahawan berjaya, dan kejayaan tersebut dilihat sebagai lebih bermakna apabila dia dapat melibatkan diri dalam hal-hal kebajikan dan memberi sumbangan kepada rumah anak-anak yatim. Ibu Noor juga turut membiayai pengajian ramai anak angkat sehingga mereka berjaya. Perasaan wanita tersebut digambarkan lebih puas apabila berhasil mendidik keempat-empat orang anak kandungnya hingga berjaya dalam hidup.

Semua bentuk pencapaian tersebut memberi kepuasan jiwa, ketenangan dan keceriaan tersendiri kepada jiwa wanitanya. Dengan kepuasan dan keyakinan diri sedemikian menyebabkan dia sentiasa berfikiran positif dalam hidup. Sebagai wanita profesional, berjaya dalam perniagaan, dalam berkeluarga dan berkeyakinan diri serta berpenampilan menarik, Ibu Noor mampu memenuhi keinginan nalurinya tanpa banyak halangan. Dia ditampilkan dengan imej *superwoman* yang unggul, yang cekap menguruskan sfera umum dan sfera domestik dengan cukup baik. Gagasan ini disaran oleh pengarang terhadap wanita untuk tampil dengan sifat-sifat bijaksana dan cemerlang. Dengan cara itu, Ibu Noor adalah mewakili wanita yang memiliki suara mutlak, ruang kebebasan dan kekuasaan penuh dalam menentukan pilihan hidupnya. Pengarang menggambarkan dengan sifat-sifat ketenangan, keyakinan, dan kemantapan jiwa, wanita mampu meraih keinginan dan cita-cita peribadi. Ciri-ciri keperkasaan wanita dalam menjana kehidupan yang diketengahkan dalam *Dari Lembah Ke Collibah* telah digarap secara terancang dan amat menarik oleh pengarangnya.

Dalam *Tarian Bumi* pula Oka Rusmini merakamkan pengalaman kaum wanita Bali yang berusaha keras merubah status kehidupan mereka dengan bangkit menentang nilai-nilai tradisi yang mengekang wanita. Melalui watak-watak wanita seperti Luh Dalem, Luh Gambren, Luh Sekar dan Luh Kenten Jero Kenanga dan Telaga Oka Rusmini menggarap pengalaman perjuangan hidup kehidupan wanita Bali. Watak Luh Dalem dan Luh Gambren menyerlahkan pengalaman wanita *sudra* memainkan peranan sebagai seorang ibu, sekaligus sebagai ketua keluarga. Dalam novel ini, pengarang menunjukkan bahawa peranan wanita menjadi lebih dominan, luas, dan menjangkau ke sfera umum. Dari sudut sfera peribadi, Luh Dalem dan Luh Gambren adalah gambaran kegigihan, kerajinan dan ketabahan wanita membesarakan anak-anak tanpa suami. Imej wanita Bali yang diangkat dalam novelnya adalah wanita yang memainkan peranan lebih penting kepada keluarga, berbanding kaum lelaki. Luh Dalem misalnya, membesarakan tiga orang anak tanpa peranan suami, yang hilang dikaitkan dengan kegiatan komunis. Begitu juga Luh Kembren, wanita tua tanpa suami yang besar dan menyekolahkan dua anaknya. Pengorbanan dan komitmen besar wanita yang ditonjolkan pengarang ini dapat dikaitkan dengan konsep keibuan (*motherhood*), malah lebih daripada itu ianya bersifat keibubapaan (*parented*). Hakikat ini selaras dengan pendapat Showalter bahawa *a women's text is*

not only mothered but parented. (1982:33). Penonjolan wanita yang dikaikat dengan ciri-ciri *motherhood* dan *parented* bukan sahaja untuk mendedahkan kepincangan lelaki dalam masyarakat Bali, sebaliknya bagi mengenangkan kekuatan, kegigihan dan keupayaan wanita dalam perjuangan hidup membesarakan anak-anak tanpa lelaki.

Walaupun pengarang melukiskan peranan wanita dalam sfera peribadi, tetapi pada masa yang sama pengarang membuktikan wanita Bali juga memasuki sfera umum. Luh Dalem dan Luh Gambren misalnya, wanita desa yang berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat luar, khususnya dalam urusan perniagaan yang mereka jalankan secara kecil-kecilan. Dalam hal ini pengarang menunjukkan bagaimana wanita Bali memainkan peranan yang besar terhadap pembangunan institusi keluarga.

Selain itu, pengarang juga memberi perhatian terhadap pengalaman perjuangan wanita *sudra* untuk mencapai cita-cita peribadi melalui watak Luh Sekar. Walaupun lahir dalam sebuah keluarga miskin, namun Luh Sekar tidak bersifat pasif dan menerima saja nasibnya, sebaliknya bertekad dan berusaha untuk merombak takdir kehidupannya. Luh Sekar bercita-cita meletakkan dirinya di kalangan keluarga bangsawan (*brahmana*). Untuk itu dia sanggup melakukan apa sahaja, kerana (Oka Rusmini, 2001:29):

Aku capek melihat keluargaku tidak dapat tempat dalam masyarakat ini. Aku capek tersisih. Sakit, sakit, sakit sekali menjadi orang seperti aku. Aku ingin jadi orang nomor satu. Perempuan yang pantas untuk orang banyak.

Untuk mencapai cita-cita merubah status dirinya, Sekar berusaha menjadi penari *jogged* yang terbaik dan tercantik. Dengan cara itu, dia dapat memikat dan mengahwini Ida Bagus Ngurah Pidada, lelaki *brahmana*, yang digunakan sebagai ‘batu loncatan’ ke arah merubah status dan kedudukannya. Walaupun dia digambarkan membenci lelaki, tetapi lelaki dipergunakan sebagai alat untuk sampai kepada matlamatnya. Dalam soal ini, wujud percubaan pengarang untuk menterbalikkan kelaziman, di mana selalunya wanita dijadikan sebagai alat untuk projeksi lelaki tetapi dalam novel ini sebaliknya. Pengarang mengemukakan pengalaman wanita yang gigih berusaha demi mengubah kedudukan dalam masyarakat, hatta menjadikan lelaki sebagai alat bagi mencapai cita-citanya. Luh Sekar akhirnya berjaya memenuhi impiannya, tetapi terpaksa membayar harga yang mahal kerana harus berkorban banyak perkara. Dari segi status, dia menjalani peningkatan sosial yang besar dalam masyarakatnya, seperti kata ibunya “Kau bukan lagi Luh Sekar. Darjatmu lebih tinggi dari seluruh perempuan *sudra*, termasuk Mame, perempuan yang melahirkanmu. Belajarlah menjadi bangsawan yang sesungguh” (ibid:43). Setelah mencapai impiannya, dia memasuki kehidupan dan pengalaman baru sebagai wanita *brahmana*, iaitu wanita bangsawan yang hidup dalam kemewahan, kesenangan dan penghormatan. Namun, dalam masa yang sama, Luh sekar terpaksa memikul tanggungjawab yang semakin besar dalam keluarga bangsawannya. Dalam meniti kehidupan baru inilah, pengarang membina watak Luh Sekar sebagai wanita yang kuat dan tabah menghadapi tekanan-tekanan perasaan dan persekitaran yang sukar dilepaskan. Peranannya bertambah besar dengan tanggungjawab yang disandarkan mertuanya bagi mengubah keburukan tingkah laku anak lelakinya, iaitu suaminya. Dalam hal ini, pengarang menegaskan tanggungjawab sosial wanita Bali bukan saja berperanan mendidik anak-anak, malah juga ‘mendidik’ suami. Apa yang digambarkan oleh pengarang bukan lagi wanita sebagai pendamping suami, sebaliknya sebagai pendidik suami juga!

Melalui pengalaman Telaga pengarang membongkar ketidakadilan adat dan peraturan masyarakat terhadap wanita, sekaligus mendedahkan diskriminasi dalam masyarakatnya yang melayan wanita secara berbeza. Oleh itu, wanita menempuh pengalaman dalam institusi masyarakat yang berbeza berbanding lelaki. Dalam konteks ini, pengarang membina jasad dan jiwa Luh Sekar dengan kekuatan jiwa dan raga bagi mendepani adat cabaran dankekangan dalam kasta bangsawan. Keperkasaan wanita dalam konteks novel ini lebih merujuk kepada kekuatan psikologi dan fizikal wanita dalam menghadapi cabaran hidup dalam masyarakat Bali. Corak kehidupan yang diketengahkan memperlihatkan kekuatan dan ketabahan wanita yang menjadi elemen penting bagi membentuk keperkasaan wanita dalam berdepan dengan apa juar bentuk permasalahan yang wujud dalam dunia wanita, khususnya dalam konteks hubungan wanita-lelaki. Pengalaman wanita yang digarap oleh pengarang membuktikan kebanggaan mereka dengan sifat-sifat manusia paling penting dalam diri mereka.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, memperlihatkan pengarang wanita di kedua-dua negara, sama ada secara sedar atau tidak, secara langsung atau tidak langsung, telah memanfaatkan penulisan novel bagi menyalurkan gagasan terhadap wanita seluruhnya. Novel-novel pilihan mewakili Malaysia dan Indonesia yang dikemukakan membuktikan proses pemerkasaan wanita mengambil tempat utama dalam novel ciptaan pengarang wanita. Watak-watak wanita seperti Zakiyyah, Maria Zaitun, Ibu Noor, Luh Sekar, dan Luh Kambren adalah mewakili wanita yang bergelut dengan pelbagai cabaran dan halangan dalam memajukan diri. Mereka adalah lambang wanita hari ini yang sanggup meredah apa juga halangan bagi merealisasikan impian masing-masing.

Walau bagaimanapun, cara dan gaya pengungkapan setiap pengarang yang mewakili Malaysia dan Indonesia didapati agak berbeza. Hal ini berhubung rapat dengan tahap sensitiviti dan kreativiti di kalangan pengarang di kedua-dua negara, di samping perbezaan nilai-nilai sosiobudaya yang melingkungi latar kehidupan setiap pengarang. Begitu juga dengan *intensity* dan keberanian di kalangan mereka adalah tidak sama. Namun begitu, apa yang diketengahkan mereka adalah berhubung dengan permasalahan dan usaha-usaha memajukan kehidupan wanita. Mereka juga meredah tembok tradisi yang menekan wanita serta memasuki tahap modeniti yang menyaksikan kebebasan wanita dalam mencapai keinginan dan cita-cita hidup mereka. Walaupun wanita menghadapikekangan dan halangan dalam merealisasikan objektif mereka, namun pelbagai usaha dan percubaan telah dilakukan ke arah memperkasakan kehidupan wanita di Indonesia dan Malaysia.

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan rata-rata wanita menginginkan hak dan kebebasan yang difikirkan wajar untuk mereka miliki. Hak dan kebebasan itu terangkum dalam maksud yang luas dan adakalanya bersifat subjektif. Namun yang paling jelas, wanita ingin membebaskan diri daripada bentuk-bentuk kebelengguan dalam masyarakat. Wanita juga inginkan hak kebebasan untuk menyatakan segala keinginan peribadi dan prinsip-prinsip yang diyakini serta menjadi pegangan hidup mereka. Dalam konteks perjuangan memperkasakan kedudukan wanita, pengarang Indonesia didapati lebih vokal dan radikal. Agenda-agenda yang diketengahkan dalam proses pemerkasaan tersebut termasuklah keinginan peribadi, pilihan untuk tidak berkawwin, untuk mencabar wacana patriarki, dan untuk memiliki serta memanfaatkan sifat-sifat bahasa wanita sendiri. Sementara pengarang Malaysia bersikap jauh lebih sederhana dalam mengungkapkan usaha-usaha pembangunan wanita. Mereka tidak menampilkan hal-hal yang dianggap terlalu peribadi, khususnya yang bersifat tabo. Hal ini disebabkan oleh faktor-faktor

persekitaran, khususnya berhubung dengan soal adat dan agama Islam yang turut mempengaruhi dan menentukan tahap keberanian dan keterbukaan pengarang dalam proses kreativiti mereka.

Rujukan

- Azmah Nordin. (1996) *Menongkah Lumrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Busu. (2004) *Salam Maria*. Rawang: Absolute Press (M) Sdn Bhd.
- Hirschon, Renee. (1993) Open Body/Close Space: The Transformation of Female Sexuality dlm Ardener, (ed). *Defining Females: The Nature of Women in Society*. Oxford: Berg Publishers Limited. 51-71.
- Kamla Bhasin dan Nighat Said Khan. (1986) *Some Questions on Feminism and It's Relevance in South Asia*. 1988. New Delhi: Indraprastha Press.
- Kartini Kartono. (1981) *Psikologi Wanita I*. Bandung: Alumni.
- Okta Rusmini. (2000) *Tarian Bumi*. Megelang: Indonesia Tera.
- Moi, Toril. (1985) *Sexual/Textual Politics: Feminist Literary Theory*. London: Methuen.
- Titis Basino. (2000) *Dari Lembah Ke Coolibah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Showalter, Elaine. (1982) Feminist Criticism in the Wilderness dlm Elizabeth Abel, (ed). *Writing and Sexual Difference*. Chicago: University of Chicago Press. 9-36.
- Wazir Jahan Karim. (1992) *Women & Culture: Between Malay Adat and Islam*. Boulder: Westview Press.